

INFORMASI



Buletin Bulanan Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor (BAKAJASA)



Berita Utama

Guru SRAI menang hadiah utama di AGM BAKAJASA

Ahli BAKAJASA juara keseluruhan IJPAM 2022

Kafeteria Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS)

Peduli dan Prihatin BAKAJASA bantu ringankan beban ahli



Selamat Datang ke Tahun Baru 2023

Yang Dipertua dan seluruh ahli jawatankuasa BAKAJASA bagi sesi 2022 hingga 2024 mengucapkan selamat menempuh tahun baru 2023 kepada semua ahli BAKAJASA serta kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana kita berjaya mengharungi cabaran hebat sepanjang tahun 2022 dengan keazaman dan kecekalan. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang semua warga JAIS dapat memulakan tahun baru 2023 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi supaya kita sama-sama berpeluang untuk lebih berjaya dan cemerlang di dunia dan akhirat.



Mesyuarat Agung Tahunan BAKAJASA

Mesyuarat Agung Kali Ke-21/2022 dan Pemilihan Jawatankuasa Sesi 2022-2024 telah diadakan pada 15 Oktober 2022, Sabtu di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, MSSAAS pada pukul 8.30 pagi. Sebanyak lebih kurang 80 cabutan bertuah disediakan untuk ahli yang hadir dan hadiah utama sebuah motosikal dimenangi oleh Puan Mas Suriaty binti Salim dari SRAI Sg. Manggis, Kuala Langat.

Jawatankuasa Sesi 2022-2024 ialah seperti berikut:

Yang Dipertua

Dato' Haji Mohd Shahzihan bin Ahmad

Timbalan Yang Dipertua

Puan Salwana binti Ahmad Dahlan

Setiausaha Agong

Puan Norizan Binti Othman

Penolong Setiausaha Agong

Encik Mohd Zul Hisham bin Mohd Hassan

Bendahari

Puan Maryam binti Md Zin

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Pengajian

Encik Solekhan bin Roup

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan dan Penerbitan

Encik Nor Faisal bin Mohd Leman

Pengerusi Jawatankuasa Sukan dan Kebudayaan

Mohammad Wafi bin Khairuddin

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Dakwah

Puan Syarifah Ruhylda Binti Syed Abdul Rahim

Pengerusi Jawatankuasa Ekonomi

Encik Mohd Kairi bin Sahudin

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita

Puan Wan Fa'ezah binti Mohamed Esa





Tahniah Kontinjen Selangor!

BAKAJASA telah memberikan sedikit sumbangan kepada Kontinjen Selangor yang menyertai Kejohanan Sukan Ijtimak Perdana Agensi Agama Malaysia (IJPAM) Tahun 2022 yang berlangsung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Bangi. Ahli BAKAJASA dan kakitangan JAIS yang terdiri dalam kalangan pelbagai skim di peringkat Ibu Pejabat, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), masjid dan sekolah telah terpilih untuk mewakili Negeri Selangor dalam 8 acara yang dipertandingkan. Kontinjen Selangor telah menjuarai kedudukan pertama daripada 22 kontinjen yang menyertai kejohanan sukan tersebut pada 1 hingga 6 November 2022.

	AGENSI	EMAS	PERAK	GANGSA	JUM.
1	SELANGOR	2	2	1	5
2	SABAH	2	0	0	2
3	JOHOR	1	2	2	5
4	MAIWP	1	0	2	3
5	MELAKA	1	0	0	1
6	THE JUSTICE	1	0	0	1
7	NEGERI SEMBILAN	0	1	1	2
8	TERENGGANU	0	1	1	2
9	TABUNG HAJI	0	1	0	1
10	JAKIM	0	1	0	1



"Talent wins games, but teamwork and intelligence win championship."

-Michael Jordan-

Peduli & Prihatin

21 Disember 2022 - Ahli Jawatankuasa Kebajikan dan Dakwah mewakili YDP dan seluruh jawatankuasa induk BAKAJASA telah hadir menziarahi salah seorang ahli BAKAJASA iaitu Ustaz Mohammad bin Jaafar (PAID Kuala Selangor) yang sedang diuji dengan penyakit strok dan sedang menerima rawatan di Hospital Kusta (Pusat Kawalan Kusta Negara) Sungai Buloh dan di tempatkan di Wad 30 Katil No. 4. Semoga kesihatan beliau segera pulih dan dipermudahkan segala urusan.



>>>>>



27 Disember 2022 - 29 Disember 2022 - Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Dakwah mewakili YDP dan seluruh jawatankuasa induk BAKAJASA bersama Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan telah menziarahi serta menyampaikan sumbangan wargakerja JAIS dan ahli BAKAJASA kepada salah seorang kakitangan JAIS Ustaz Rusdin bin Rahmat (Unit Penguatkuasaan PAID Hulu Langat) yang ditimpa musibah akibat terkesan dengan kebakaran besar di rumah jiran sehingga menyebabkan rumah beliau mengalami kerosakan yang teruk.

>>>>>

29 Disember 2022 - Ahli Jawatankuasa Kebajikan dan Dakwah mewakili YDP dan seluruh jawatankuasa induk BAKAJASA telah menziarahi salah seorang ahli BAKAJASA iaitu Tuan Haji Mohd Jainal bin Zakariah (Bahagian Dakwah) yang menerima rawatan di Hospital KPJ, Klang kerana jangkitan kuman pada luka di kaki beliau. Semoga kesihatan beliau segera pulih dan dipermudahkan segala urusan.



Jawatankuasa Baharu BAKAJASA Merancang Aktiviti Menarik Pada Tahun 2023 dan 2024



Bengkel Retreat Jawatankuasa BAKAJASA Sesi 2022 - 2024 diadakan pada 13 dan 14 Disember 2022 di Hotel Concorde, Shah Alam. Dato' Haji Mohd Shahzihan bin Ahmad selaku YDP, Puan Salwana binti Ahmad Dahlan Timbalan YDP dan seluruh jawatankuasa induk termasuk ahli jawatankuasa kecil menghadiri bengkel ini bagi membincangkan perancangan aktiviti bagi tahun 2023 dan 2024.

Pelbagai program dan aktiviti menarik telah dirancang untuk semua ahli BAKAJASA untuk tahun 2023 dan 2024. Semoga semua ahli dapat turut serta dalam aktiviti yang akan dilaksanakan kelak.

Cakna Kebajikan Ahli Melalui Kemudahan Kafeteria BSIS

Bendahari mewakili YDP dan seluruh jawatankuasa induk BAKAJASA mengadakan aktiviti turun padang ke Kafeteria Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS) termasuk Kedai Mart BAKAJASA bagi mengenal pasti fasiliti kedai dan harga makanan yang ditawarkan untuk pengunjung kedai tersebut. Dalam masa yang sama setiap penyewa kedai telah menerima surat makluman mengenai kadar sewa dan kontrak sewaan semasa akan berjalan seperti biasa sehingga penghujung bulan Januari 2023. Iklan sebut harga baharu akan dilaksanakan pada pertengahan bulan Januari ini.



Jualan Hari Gaji Akan Diteruskan

BAKAJASA melalui Jawatankuasa Ekonomi akan memulakan sewaan tapak gerai jualan hari gaji di Ground Floor BSIS pada bulan Januari bagi meningkatkan hasil terimaan BAKAJASA. Oleh itu, ahli dan kakitangan di BSIS dialu-alukan untuk memberi sokongan kepada penjual dengan mematuhi waktu berkerja di pejabat.